

19 AUG 1997

MTUC

MTUC SOKONG SARANAN PM KURANGKAN PENGGANTUNGAN TERHADAP PEKERJA ASING

KUALA LUMPUR, 19 Ogos (Bernama) -- Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) hari ini menyokong saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya majikan mengurangkan penggantungan terhadap pekerja asing, dan berkata MTUC telah meminta kerajaan berbuat demikian sejak 10 tahun lepas.

Presiden kongres itu, Zainal Rampak, berkata saranan Perdana Menteri itu tepat pada masanya kerana terdapat lebih 3 juta pekerja asing, yang sah dan haram, di negara ini.

"MTUC terus meminta kerajaan mengharamkan buruh asing sejak hampir 10 tahun lepas dan kami gembira kerana ia akhirnya akan dilaksanakan walaupun agak lewat.

"Hampir 15 peratus daripada 20 juta penduduk negara ini terdiri daripada pekerja asing, dan jika bilangannya yang terus bertambah tidak diperiksa sekarang, ia mungkin membawa implikasi sosial, ekonomi dan politik yang serius pada masa akan datang dan pada masa itu, sudah terlalu lewat untuk bertindak," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Beliau berkata pekerja tempatan juga didiskriminasikan oleh majikan yang mengambil pekerja asing dan menggaji mereka dengan upah yang lebih tinggi.

"Umpamanya, pekerja tempatan dan asing di KL Glass Sdn Bhd, masing-masing dibayar RM375 dan RM550 setiap bulan, dengan pekerja asing menikmati semua faedah yang terkandung dalam Perjanjian Bersama," kata Zainal.

Beliau berkata tindakan berat sebelah itu menyebabkan pekerja tempatan tidak memperolehi kerja kurang mahir dan separuh mahir.

Negara-negara maju seperti Jepun tidak menghadapi masalah itu kerana pekerja tempatannya dibayar gaji dan menerima faedah yang adil selaras dengan kos kehidupan, katanya.

Di Malaysia, katanya, syarikat-syarikat menggaji pekerja asing kerana kos buruh yang murah dan meningkatkan margin keuntungan.

Beliau berkata walaupun MTUC membantah kehadiran buruh asing, ia tidak akan berdiam diri jika mereka dieksploitasikan oleh majikan yang tidak bertanggung jawab. -- BERNAMA

HAK NAK